PENDAKWA RAYA

lwn.

AHMAD BIN HJ. ZAKARIA & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
PUAN ZALEHA ZAHARI PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-247-93]
31 JANUARI 1994

PROSEDUR JENAYAH: Pertuduhan - Pindaan - Kuasa Mahkamah untuk meminda pertuduhan - Samada Mahkamah berkuasa meminda pertuduhan kepada satu pertuduhan yang lebih serius - Samada kuasa Mahkamah untuk meminda terhad kepada pertuduhan yang lebih ringan - Kanun Acara Jenayah ss. 158, 173(h).

Kedua-kedua responden dalam kes ini adalah anggota polis dan mereka dituduh di bawah s.223 Kanun Keseksaan kerana bertindak cuai menyebabkan seorang tahanan yang berada dalam jagaan mereka berjaya melarikan diri. Di akhir kes pendakwa, Majisteret memutuskan bahawa terdapat kes *prima facie* di bawah s. 221 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua responden iaitu mereka "berniat dengan sengaja untuk melepaskan orang tahanan". Majisteret bagaimanapun tidak meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan di bawah s. 221 kerana mengikut pendapatnya, Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian oleh kerana kesalahan di bawah s. 221 itu adalah kesalahan yang lebih serius dan boleh dikenakan hukuman yang lebih berat. Majisteret kemudian memutuskan bahawa dalam keadaan sedemikian beliau tidak mempunyai pilihan melainkan membebaskan kedua-kedua responden terhadap tuduhan yang mereka hadapi, yang berakibat kedua-dua responden dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah.

Pendakwa Raya merayu dan berhujah, antara lain, bahawa Majisteret telah tersilap di sisi undang-undang apabila memutuskan bahawa kuasanya untuk meminda pertuduhan adalah terhad kepada meminda kepada satu kesalahan yang lebih ringan. Pendakwa berhujah lagi bahawa, oleh kerana Majisteret telah memutuskan wujud satu kes *prima facie* di bawah s. 221, maka, menurut peruntukan s. 158 dan s. 173(h) Kanun Acara Jenayah, Majisteret adalah berkuasa dan tidak boleh tidak hendaklah meminda pertuduhan asal tersebut kepada pertuduhan di bawah s. 221.

Diputuskan:

[1] Mahkamah bersetuju dengan penghakiman Majisteret bahawa berasaskan keterangan-keterangan yang dibentangkan terdapat satu kes *prima facie* di bawah s. 221 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua responden. Walaupun responden memang mempunyai budibicara samada untuk menggari atau pun tidak orang tahanan yang diiring oleh mereka dan walaupun Mahkamah menerima hujah bahawa responden juga boleh berhenti untuk membolehkan orang tahanan membuang air, namun, tingkahlaku kedua-dua responden membenarkan orang tahanan membuat panggilan telefon dan seterusnya berhenti di beberapa tempat di mana orang tahanan dibenarkan untuk bersama-sama mereka tanpa digari apabila mereka sampai di Kuala Lumpur, boleh dipersoalkan. Kesimpulan yang boleh diambil dari tingkahlaku yang sedemikian ialah, seseorang yang mengambil sesuatu tindakan itu bukan hanya berniat untuk melakukan perbuatan itu, tetapi "he must intend the natural and probable consequences of his act", iaitu, dalam konteks kes ini, kemungkinan orang tahanan terlepas dari jagaan mereka.

[2] Berhubung dengan kuasa Mahkamah untuk meminda, peruntukan dalam s. 158 dan s. 173(h) adalah berkenaan. Dapat diperhatikan bahawa menurut s. 173(h), Mahkamah bukan sahaja dibenarkan meminda tetapi lebih dari itu diwajibkan untuk menimbangkan pertuduhan di akhir kes pendakwa, dan sekiranya keadaan memerlukan, memindanya. Berdasarkan peruntukan-peruntukan ini, dan berasaskan kepada autoriti-autoriti yang telah diputuskan oleh Mahkamah berhubung persoalan yang sama, adalah jelas bahawa Majisteret telah tersilap di sisi undang-undang kerana tidak meminda pertuduhan dari pertuduhan asal di bawah s. 223 kepada pertuduhan di bawah s. 221 Kanun Keseksaan.

[Rayuan dibenarkan. Responden diperintah dibicarakan di bawah s. 221 Kanun Keseksaan].

Kes-kes yang dirujuk:
Ram Kumar lwn. State [1970] Cri. LJ 486 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Heng You Nang [1949] 15 MLJ 258 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. James Tan [1983] 2 MLJ 173 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Culik 1961, s. 3(1)
Akta Pencegah Rasuah 1961, ss. 2(a)(ii), 3(a)(ii)
Kanun Acara Jenayah, ss. 158, 173(h)
Kanun Keseksaan, ss. 221, 223, 420

Bagi pihak perayu - Syaiful Edris, TPR
Bagi pikak responden 1 - Y.C. Chong; T/n. Kam Woon Wah
Bagi pihak responden 2 - Sivaparamjothy; T/n. V. Siva & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari PK:
Kedua-dua responden di dalam kes ini telah dituduh di bawah s. 223 Kanun Keseksaan seperti berikut:

Pertuduhan

> Bahawa kamu bersama-sama pada 12 September 1988 jam lebih kurang pukul 8.30 malam di Hotel Imperial, Jalan Hicks dalam Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan telah dengan cuai sehingga terlepas lari seorang tahanan yang sah bernama Lim Kee Hing KP No: 7889950 dari jagaan kamu, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 223 Kanun Keseksaan.

Keputusan Majistret

Pada 10 Julai 1993, di akhir kes pendakwa, berasaskan kepada keterangan-keterangan yang telah dibentangkan oleh pendakwa, Majistret telah memutuskan bahawa terdapat satu kes *prima facie* di bawah s. 221 Kanun Keseksaan dan tidak seperti yang telah dipertuduhkan di bawah s. 223 Kanun Keseksaan. Majistret telah selanjutnya memutuskan bahawa oleh kerana pertuduhan di bawah s. 223 Kanun Keseksaan merupakan kesalahan yang lebih serius dan boleh dikenakan hukuman yang lebih berat beliau tidak mempunyai kuasa untuk meminda kepada pertuduhan di bawah s. 221. Majistret berpendapat kuasanya untuk meminda adalah terhad untuk membuat pindaan kepada pertuduhan yang lebih ringan dan beliau tidak mempunyai kuasa untuk meminda sesuatu pertuduhan kepada satu pertuduhan yang lebih serius. Dalam hal yang demikian Majistret, dengan kesalnya, telah memutuskan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pilihan dan telah melepaskan dan membebaskan kedua-dua respondan terhadap tuduhan yang telah dihadapkan.

Alasan Rayuan

Pendakwa Raya tidak puas hati dengan pelepasan dan pembebasan tersebut dan telah memfailkan rayuan. Perayu mendakwa Majistret telah tersilap di sisi undang-undang apabila beliau memutuskan bahawa kuasa untuk meminda adalah hanya untuk meminda kepada satu kesalahan yang lebih ringan. Timbalan Pendakwa Raya telah menghujah kuasa untuk meminda pertuduhan yang diberi oleh s. 173(h) dan 158 Kanun Acara Jenayah membolehkan Majistret untuk meminda pertuduhan di bawah s. 223 Kanun Keseksaan kepada s. 221 Kanun Keseksaan sekiranya, berasaskan keterangan-keterangan yang telah dibentangkan, terdapat satu kes *prima facie* di bawah s. 221.

Fakta-fakta Kes

Fakta-fakta kes ini, dengan ringkasnya, adalah seperti berikut.

Pada 12 September 1988, satu polis pengiring yang terdiri dari Koperal 31804 Ahmad bin Hj. Zakaria (Responden 1), sebagai ketua, Konstable 101115 Jamaludin b. Abdul Rahman (PW2) dan L/Koperal 51899 Muhamad bin Taib (Responden 2) serta Konstable 92326 Abdullah bin

Ariffin (PW1) sebagai pemandu kepada m/van Isuzu No. WBL 6444, telah diarah untuk mengiring dua orang tahanan iaitu, Sarjahan, dari Pulau Pinang kepada Pusat Pemulihan Batu Gajah dan seorang tahanan remand, Lim Kee Hing, yang menghadapi tuduhan di bawah s. 3(1) Akta Culik 1961, dari Pulau Pinang ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur.

Polis pengiring bersama dengan dua orang tahanan tersebut telah berlepas dari Pulau Pinang lebih kurang jam 8.30 - 9.00 pagi pada 12 September 1988. Atas arahan responden 1 mereka telah singgah di rumah salah seorang tahanan tersebut, Sarjahan, di Sg. Nibong, Pulau Pinang selama 5 - 10 minit untuk membolehkan Sarjahan mengambil barangnya. Seterusnya mereka telah menuju ke Pusat Pemulihan Batu Gajah. Mereka sampai di sana lebih kurang jam 12.30 - 1.00 petang dan Sarjahan telah diserahkan kepada pusat tersebut.

Dari situ, polis pengiring tersebut bersama dengan orang tahanan Cina, Lim Kee Hing, telah berhenti di pekan Batu Gajah untuk makan tengahari di satu restoran mamak selama 15 - 25 minit. Dari keterangan SP1, pemandu van, Lim Kee Hing tidak digari ketika mereka makan bersama di restoran di Batu Gajah.

Selepas makan tengahari, polis pengiring tersebut menuju ke arah Kuala Lumpur. Apabila sampai di simpang Batu Cave dekat Pasar Borong Besar, responden 1 mengarahkan SP1, pemandu, untuk berhenti di pondok telefon awam di tepi jalan untuk membolehkan orang tahanan membuat panggilan telefon. Menurut SP1, ketika membuat panggilan telefon, selama 10 - 15 minit, orang tahanan itu tidak digari.

Setelah panggilan telefon oleh orang tahanan itu, mereka telah menuju ke Kuala Lumpur. Responden 1 telah sekali lagi mengarah SP1 untuk berhenti, sekarang ini, di Hotel Merdeka di kawasan Jalan Chow Kit. Mereka telah sampai di hotel itu lebih kurang jam 5.30 - 6.00 petang dan semua orang, termasuk orang tahanan, yang tidak digari, telah turun dan masuk ke hotel tersebut.

Menurut keterangan S.P.1 lagi, kemudian dari itu, hanya responden 1 dan responden 2 serta orang tahanan Lim Kee Hing, yang masih tidak digari, telah masuk kembali ke dalam van. Koperal Jamaludin telah ditinggalkan di Hotel Merdeka. SP1 telah diarah oleh responden 1 untuk berhenti sekali lagi di satu lorong lebih kurang 7.00 - 7.30 malam. Kedua-dua responden bersama dengan orang tahanan Lim Kee Hing, yang tidak digari, telah turun dari van tersebut dan telah dibawa ke satu lorong lagi. S.P.1 telah menunggu di dalam van.

Dua jam kemudian kedua-dua responden telah kembali ke van tanpa orang tahanan. Mereka telah memberitahu SP1 bahawa orang tahanan Lim Kee Hing telah melepaskan diri. Selepas mencari selama 45 minit dan Lim Kee Hing masih tidak dikesan responden 1 telah mengarahkan SP1 untuk membawa mereka ke Jalan Bandar untuk membolehkan mereka membuat laporan polis.

Hujah-hujah Peguam responden 1

Peguam responden 1, En. Tan, telah menghujah Mahkamah tidak seharusnya mengambil alih tugas pendakwa. Pihak pendakwa bertanggungjawab untuk membuat permohonan untuk meminda pertuduhan. Di dalam kes ini, pihak pendakwa tidak membuat sebarang permohonan untuk meminda pertuduhan. Menurutnya, Mahkamah bertindak dengan betul untuk tidak meminda pertuduhan di bawah s. 223 Kanun Keseksaan kepada s. 221 kerana pindaan sedemikian akan memudaratkan responden-responden kerana hukuman lebih berat boleh dikenakan di bawah s. 221.

Seterusnya dan sebagai alternatif, beliau menghujah bahawa berasaskan kepada keterangan-keterangan yang telah dibentangkan di dalam kes ini tidak terdapat kes *prima facie* di bawah s. 221 dan bahawa Majistret telah tersilap dalam memutuskan bahawa satu kes *prima facie* di bawah s. 221 telah dibuktikan. Beliau telah menghujah menurut Arahan Tetap Ketua Polis Negara Bahagian A 124 polis pengiring mempunyai budibicara samada untuk menggunakan gari atau pun tidak, dan bahawa Majistret telah silap apabila beliau memutuskan, oleh kerana gari tidak digunakan, ia merupakan "ini untuk membenarkan orang tahanan melepaskan diri".

Seterusnya, beliau menghujah polis pengiring mempunyai budibicara untuk membenarkan orang tahanan berhenti untuk membuang air dan tindakan sedemikian tidak wajar ditafsirkan sebagai niat untuk membenarkan orang tahanan melepaskan diri. Beliau telah juga menghujah Majistret tidak wajar membuat inferen yang buruk berhubung dengan kegagalan responden untuk tidak membawa orang tahanan terus ke Jalan Bandar, dan dalam semua keadaan kes, Majistret tersilap dalam memutuskan satu kes *prima facie* di bawah s. 221 Kanun Keseksaan telah dibuktikan.

Hujah-hujah Peguam responden 2

Encik Sivaparamjothi yang mewakili responden kedua juga telah menghujah bahawa tidak ada kes *prima facie* di bawah s. 221 ataupun s. 223 Kanun Keseksaan. Menurutnya terdapat ketidakpatuhan perenggan 9.3 Arahan Tetap Ketua Polis Negara oleh kerana seorang tahanan "biasa", Sarjahan, telah di bawa bersama dalam satu van dengan seorang tahanan "khas", Lim Kee Hing, dan dengan itu beliau menghujah tahanan orang-orang tahanan itu adalah tak sah.

Selanjutnya, beliau menghujah, pelanggannya, responden 2, hanya bertanggungjawab untuk mengiring orang tahanan Sarjahan ke Batu Gajah. Menurutnya, respondan 2 telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan sepenuhnya apabila Sarjahan telah diserahkan ke Pusat Pemulihan Batu Gajah. Beliau menghujah respondan 2 tidak bertanggungjawab untuk mengiring Lim Kee Hing dan beliau tidak dapat sebarang alasan kenapa pertuduhan telah dikemukakan terhadap responden 2. Menurutnya sebarang kes *prima facie* tidak dibuktikan terhadap responden 2 dan dengan itu rayuan Pendakwa Raya hendaklah ditolak.

Sama ada orang-orang tahanan ditahan dengan sah?

Berasaskan fakta-fakta kes ini tidak dipertikaikan kedua-dua responden di dalam kes ini adalah Konstable and L/Koperal di Polis Di Raja Malaysia pada masa yang material.

Berhubung dengan dakwaan responden 2 bahawa beliau tidak dipertanggungjawabkan untuk mengiring, Lim Kee Hing, seorang tahanan remand yang menghadapi tuduhan di bawah s. 3 (1) Akta Culik 1961 dari Pulau Pinang ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur dan ketidakpatuhan perenggan 9.3 Arahan Tetap Ketua Polis Negara telah mengakibatkan tahanan orang-orang tahanan sebagai tak sah, saya memutuskan ia adalah tidak bermerit dan tidak berasas. Saya berpuashati, berasaskan kepada keterangan-keterangan yang telah dibentangkan, bahawa pada semua masa yang material kedua-dua responden, dan juga Konstable Jamaludin bin Abdul Rahman (PW2), telah diarah dan bertanggunjawab untuk mengiring, pada asalnya, 2 orang tahanan, dan seterusnya, setelah seorang dari orang tahanan, iaitu Sarjahan, diserah ke Pusat Pemulihan Ahlak, Batu Gajah, mereka bersesama adalah bertanggungjawab untuk mengiring orang tahanan yang lagi satu, Lim Kee Hing, ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Keterangan SP10, Inspektor Ahmad Kamal bin Saip, pegawai siasatan di dalam kes ini, jelas menunjukkan bahawa selepas Sarjahan dihantar ke Batu Gajah, L/Roperal 51899 "terus dengan tugasnya sebagai pengawal tambahan". Dengan itu saya menolak hujah-hujah Peguam responden kedua bahawa beliau tidak mempunyai sebarang peranan untuk bertindak sebagai pegawai pengiring setelah serahan Sarjahan di Batu Gajah. Saya juga memutuskan bahawa, sekiranyapun terdapat ketidakpatuhan perenggan 9.3 Arahan Tetap Ketua Polis Negara di antara Pulau Pinang dan Batu Gajah oleh kerana seorang tahanan "biasa" (Sarjahan) telah dibawa bersama dengan seorang tahanan "khas" (Lim Kee Hing) ini tidak memberi erti bahawa kedua-dua tahanan di antara Pulau Pinang dan Batu Gajah, atau tahanan Lim Kee Hing di antara Batu Gajah ke Kuala Lumpur tak sah.

Bertindak secara "cuai" atau dengan sengaja?

Soalan penting yang menarik perhatian saya di dalam rayuan ini ialah sama ada wajar atau tidak, berasaskan fakta-fakta dan keadaan-keadaan kes ini, saya harus mengekalkan penghakiman Majistret bahawa terdapat satu kes *prima facie* di bawah s. 221 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua responden.

Berhubung dengan isu samada Lim Kee Hing terlepas dari tahanan disebabkan oleh 'kecuaian' atau melibatkan "perbuatan sengaja", Majistret di dalam Alasan Hukumannya telah

menghuraikan elemen-elemen ini dengan panjang lebar. Berasaskan keterangan-keterangan yang telah dibentangkan beliau berpendapat ianya "menunjukkan kedua-dua tertuduh memang berniat supaya dengan sengaja melepaskan orang tahanan". Ini adalah diasaskan oleh kenyataan bahawa:

(a) orang tahanan sentiasa tidak digari;
(b) orang tahanan dibenarkan membuat panggilan telefon di tepi jalan tanpa tangannya digari;
(c) persinggahan di hotel dan 2 lorong sebelum ke Balai Polis Jalan Bandar.

Menurut Alasan Penghakimannya beliau beliau tidak faham mengapa orang tahanan tidak dihantar terus ke Penjara Pudu atau Balai Polis Jalan Bandar sebaik sahaja mereka sampai di Kotaraya Kuala Lumpur. Menurutnya lagi tidak ada sebab-sebab yang munasabah mengapa mereka harus singgah di hotel dahulu lebih-lebih lagi-di dua buah lorong yang berkenaan.

Di dalam kes ini berhubung dengan isu samada kedua-dua responden mempunyai 'niat' (intention) untuk melepaskan orang tahanan pihak pendakwa perlu membuktikan 'niat' seperti yang dihuraikan di dalam s. 223. Di dalam kes *Ram Kumar lwn. State* [1970] Cri.LJ 486 Bhandari C.J. telah memutuskan:

> Intention requires something more than a mereforesight of the consequences. It requires a purposeful doing of a thing to achieve a particular end. This we may make it clear by referring to two passages from leading text-books on the subject. Kenny in his **Outlines of Criminal Law**, 17th Edition at page 31 has observed:
>
> To intend is to have in mind a fixed purpose to reach a desired objective; the noun 'intention' in the present connexion is used to denote the state of mind of a man who not only foresees but also desires the possible consequences of his conduct ... It will be noted that there cannot be intention unless there is also foresight, since a man must decide to his own satisfaction, and accordingly must foresee, that to which his express purpose is directed ... Again, a man cannot intend to do a thing unless he desires to do it.

Russel on Crime, Twelfth Edition Vol. 1st page 41 has observed:

> In the present analysis of the mental element in crime the word "intention" is used to denote the mental attitude of a man who has resolved to bring about a certain result if he can possibly do so. He shapes his line of conduct so as to achieve a particular end at which he aims ...

Di dalam kes ini saya menerima hujah-hujah Peguam bahawa berasaskan kepada Arahan Tetap Ketua Polis Negara, polis pengiring mempunyai budibicara sama ada untuk menggari atau pun tidak seorang tahanan. Saya juga menerima hujah-hujah bahawa mereka juga boleh berhenti untuk membolehkan orang tahanan membuang air. Namun yang demikian di dalam kes ini adalah tingkah laku-tingkah laku polis pengiring setelah sampai di Pasar Borong Selayang awal petang lebih kurang 3.30 hingga 4.00 petang untuk membenarkan orang tahanan membuat panggilan telefon dan seterusnya berhenti di beberapa tempat di mana orang tahanan telah turut dibenarkan untuk turun bersama tanpa digari boleh dipersoalkan. Kesimpulan yang boleh dibuat dari tingkah laku-tingkah laku sedemikian ialah seseorang yang mengambil sesuatu tindakan itu bukan hanya mempunyai niat untuk melakukan perbuatan itu tetapi **"he must intend the natural and probable consequences of his act"**, iaitu, kemungkinan orang tahanan terlepas dari tahanan.

Dalam semua keadaan kes ini saya sependapat dengan Majistret bahawa kelakuan dan tindakan kedua-dua respondan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka menunjukkan 'niat' untuk melepaskan Lim Kee Hing dengan sengaja dan pelepasan Lim Kee Hing tidak disebabkan oleh kecuaian. Dengan itu saya bersetuju dengan penghakiman Majistret bahawa berasaskan keterangan-keterangan yang telah dibentangkan terdapat satu kes *prima facie* di bawah s. 223 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua responden.

Sama ada Mahkamah meempunyai budibicara untuk meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan yang lebih berat?

Berhubung dengan kuasa mahkamah untuk meminda, s. 158 Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan:

> Any Court may alter or add to any charge at any time before judgement is pronounced.

Selain dari itu s. 173(h) Kanun memperuntukkan:

> If, when such evidence has been taken, the Court is of opinion that there are grounds for presuming that the accused has committed the offence charged or some other offence which such Court is competent to try and which in its opinion it ought to try, it shall consider the charge recorded against the accused and decide whether it is sufficient and, if necessary, shall amend the same.

Di dalam kes ini Majistret enggan melaksanakan kuasa meminda atas alasan:

> Walaupun saya diberi kuasa meminda pertuduhan sekiranya keterangan yang dikemukakan membuktikan satu kesalahan yang lain tetapi saya tidak dapat berbuat demikian dalam kes ini kerana s. 221 membawa satu hukuman yang lebih berat daripada s. 223. Kuasa meminda saya adalah terhad kepada meminda sesuatu kesalahan kepada suatu kesalahan yang kurang berat daripada kesalahan asalnya.

Berhubung dengan kuasa Mahkamah untuk meminda adalah diperhatikan s. 173(h) Kanun bukan hanya membenarkan tetapi mewajibkan Mahkamah untuk menimbangkan pertuduhan di akhir kes pendakwa, dan sekiranya keadaan memerlukan, memindanya. Di dalam kes *Public Posecutor lwn. Heng You Nang* [1949] 15 MLJ 285 Spencer-Wilkinson J. di dalam menimbangkan kuasa Mahkamah untuk meminda di bawah s. 173(h) telah memutuskan:

> Nevertheless I do not think that this section makes it incumbent on the Court to search the law for offences which an accused person may have committed. It is for the prosecution to decide what their real complaint against the accused is and to frame their charges or to submit amendments accordingly. No doubt, in a clear case a President or a Magistrate ought to alter a charge to fit the proved facts; but if the prosecution is unable to reach a conclusion as to the proper charge, which appears to have been the position in this case, it is in my view quite improper to criticise the President for failing to carry out the functions of the prosecuting officer.

Berhubung dengan isu samada Majistret berkuasa untuk meminda pertuduhan di bawah s. 223 kepada s. 221 Kanun Keseksaan berhubung dengan alasan s. 221 membolehkan hukuman yang lebih berat, di dalam kes *Public Prosecutor lwn. James Tan* [1983] 2 MLJ 173 di 175, di mana Peguam telah mendakwa adalah tidak adil pertuduhan di bawah s. 3(a)(ii) Akta Pencegah Rasuah 1961 dipinda kepada pertuduhan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan oleh kerana s. 420 Kanun Keseksaan membolehkan hukuman lebih berat, iaitu, tidak melebihi 7 tahun dan denda, Charles Ho H. memutuskan:

> I see no reason why the court in the presence (sic) case cannot amend the charge from s. 2(a)(ii) (sic) of Prevention of Corruption Act to one of cheating under s. 420 of the Penal Code. I do not think that this would cause any injustice to the accused.

Di dalam kes yang sama Charles Ho H. memutuskan:

> where the facts do not establish a *prima facie* case against the accused person on the charge preferred against him but disclose another offence for which he is not charged, the learned President or Magistrate unless he has a good reason not to do so, ought to amend the charge.

Dalam hal yang demikian saya memutuskan Majistret telah tersilap di sisi undang-undang kerana tidak meminda pertuduhan dari pertuduhan asal di bawah s. 223 kepada pertuduhan di bawah s. 221 Kanun Keseksaan dalam keseluruhan kes ini.

Atas alasan-alasan di atas saya membenarkan rayuan ini. Dengan itu Majistret adalah diperintahkan untuk meminda pertuduhan terhadap kedua-dua respondan di bawah s. 223 kepada pertuduhan di bawah s. 221 Kanun Keseksaan dan perbicaraan hendaklah diteruskan atas pertuduhan yang dipinda.